

02/03/2000

Landasan kembar dirancang

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Rabu - Kabinet hari ini bersetuju memulakan perancangan ke arah pembinaan landasan berkembar dari Ipoh ke Padang Besar bagi melengkapkan program peningkatan taraf perkhidmatan rel ke utara Semenanjung.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata, pelaksanaan projek itu akan membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan kereta api laju dari ibu kota ke Pulau Pinang dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Buat permulaan, katanya, perkhidmatan kargo dan KTM Komuter akan diperkenalkan pada laluan terbabit, tetapi ia boleh diperluaskan untuk merangkumi sistem kereta api laju sendeng 'Pendolino'.

Beliau berkata, konsortium Malaysia-Jepun-Itali yang bakal membina seksyen berkembar Rawang-Ipoh, akan diarah memulakan perancangan segera terhadap pembinaan laluan berkembar ke Padang Besar.

Bagaimanapun, Dr Ling tidak menyatakan kos pembinaan atau bila projek berkenaan akan bermula.

"Buat permulaan, konsortium berkenaan akan melakukan kajian kesesuaian laluan di antara Ipoh hingga Padang Besar dan selepas ia siap, kita akan mengetahui kos pembinaannya," katanya di pejabatnya, petang ini.

Ketika ini, sistem rel berkembar hanya bertumpu di kawasan Lembah Klang dengan pembinaan seksyen Rawang ke Ipoh dijadualkan bermula tahun ini dan operasinya bermula pada 2003.

Seksyen Ipoh-Padang Besar adalah sebahagian program kereta api Pendolino gergasi Semenanjung Malaysia, dibahagikan ke dalam tiga sektor - Kuala Lumpur-Singapura (Sektor Satu), Kuala Lumpur-Ipoh (Sektor Dua) dan Ipoh-Butterworth (Sektor Tiga).

Kerajaan meluluskan laluan Sektor Dua yang berharga RM1.8 bilion untuk dibina pada Julai 1996.

Sebuah konsortium diketuai Diversified Resources Berhad (DRB)-Mitsui Corp menerima tender pembinaan landasan berkembar untuk kegunaan kereta api laju yang mencapai kelajuan maksimum 250 kilometer sejam.

Sumber industri berpendapat kos membina laluan berkembar dari Ipoh ke Padang Besar (melalui Butterworth) sejauh kira-kira 380 kilometer, boleh mencapai sekurang-kurangnya RM6 bilion.

Dr Ling berkata, keputusan meluluskan pelaksanaan projek berkenaan dibuat berikutan peningkatan status perkhidmatan jambatan darat di antara Pelabuhan Klang ke Bangkok, yang dilancarkan awal tahun ini.

Katanya, Pengarah Urusan Orient Ocean Container Line (OOCL) yang menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, memaklumkan perancangan syarikat kontena itu, untuk memperluaskan perkhidmatan kargonya menerusi sistem rel Semenanjung.

"Sehubungan itu, sistem landasan berkembar untuk membawa kargo dan penumpang, sudah tentunya akan meningkatkan kecekapan penghantaran, dan itulah sebabnya kita memulakan projek terbabit," katanya.

(END)